



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***STRATEGI KOMUNIKASI BAHASA JEPUN DALAM KONTEKS ANTARA
BUDAYA SEMASA SESI LAWATAN PEMANDUAN PELANCONGAN DI
MALAYSIA***

ROSWATI ABDUL RASHID

FBMK 2015 52



**STRATEGI KOMUNIKASI BAHASA JEPUN DALAM KONTEKS ANTARA
BUDAYA SEMASA SESI LAWATAN PEMANDUAN PELANCONGAN DI
MALAYSIA**

Oleh

ROSWATI ABDUL RASHID

**Tesis ini telah dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor
Falsafah.**

Ogos 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia.



DEDIKASI

Kusyukuri nikmat hidup ini

Allah SWT Yang Maha Esa

Kehadiranmu melengkapi hidupku

Rohizat Saidin

Ahmad Najmi Rohizat

Ahmad Najwan Rohizat

Najma Nurina Rohizat

Doa restumu sentiasa mengiringi setiap langkahku

Abdul Rashid Ngah

Saidin Abdul Manaf & Maizom Mat Din

Sentiasa dalam ingatan

Allahyarhamah Wok Ali

Keluarga yang sentiasa di sisi kala suka dan duka

Kakak-kakakku

Abang-abangku

Adik-adikku

Ipar duaiku

Anak-anak saudara dan cucu

Sahabat yang sentiasa menyuntik motivasi dan semangat

Ryina Ikhwan

Farah Tajuddin

Radhiah Ismail

Temannya kongsi impian mengapai bintang

Roshanim Koris

Nor Asliza Abdul Rahim

Sahabat seperjuangan

Pelunasan tanggungjawabmu merealisasikan impianku

Rakyat Malaysia

“Terima Kasih”

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

STRATEGI KOMUNIKASI BAHASA JEPUN DALAM KONTEKS ANTARA BUDAYA SEMASA SESI LAWATAN PEMANDUAN PELANCONGAN DI MALAYSIA

Oleh

ROSWATI ABDUL RASHID

Ogos 2015

Pengerusi : Roslina Mamat, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini merupakan suatu penelitian terhadap komunikasi antara budaya dalam pelancongan. Konteks komunikasi antara budaya yang dirujuk dalam kajian ini ialah bahasa Jepun (BJ) dan budaya Jepun antara pemandu pelancong (TG) Malaysia berbahasa Jepun dengan pelancong Jepun (PJ) di sepanjang sesi lawatan pemanduan pelancongan (SLPP). Kajian ini penting untuk memberikan satu rumusan tentang penguasaan komunikasi antara budaya TG Malaysia berBJ dari aspek pengaplikasian strategi yang mendasari komunikasi tersebut. Kepincangan penguasaan kemahiran antara budaya telah dikenal pasti akibat daripada kegagalan TG menguasai budaya negara hos dan pelancong. Walhal adalah satu keperluan bagi seseorang TG mempunyai kemahiran berkomunikasi antara budaya demi mencapai komunikasi yang efektif dan penyaluran maklumat adalah tepat yang bakal membentuk pengalaman pelancong terhadap destinasi yang dilawati. Secara khususnya kajian ini menjawab tiga persoalan kajian iaitu, 1) apakah strategi dalam komunikasi antara budaya di sepanjang SLPP diaplikasikan oleh TG Malaysia berBJ?, 2) apakah elemen yang mendasari pengaplikasian strategi oleh TG Malaysia berBJ dalam komunikasi antara budaya di sepanjang SLPP?, dan 3) apakah strategi negatif yang cenderung ke arah tercetusnya konflik semasa komunikasi antara budaya berlangsung di sepanjang SLPP? Kajian yang berorientasikan pendekatan kualitatif ini menggunakan kaedah rakaman audio, video dan catatan pemerhatian. Sebanyak tiga SLPP di sekitar KL digunakan sebagai kajian rintis manakala lima SLPP di sekitar bandar Melaka digunakan sebagai kajian sebenar. Responden kajian terdiri daripada lima orang TG Malaysia berBJ dan 17 orang PJ. Analisis melibatkan penekanan pengaplikasian strategi oleh TG di sepanjang SLPP secara kualitatif dan dipersembahkan dalam bentuk statistik mudah. Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan terdapat 20 substrategi dari lima strategi utama telah diaplikasikan oleh para TG. 10 substrategi daripadanya adalah lima strategi utama yang menyokong teori Strategi dalam Komunikasi Antara Budaya SLPP (Huang, 2011a). Manakala 10 yang selebihnya merupakan substrategi baharu yang ditemui diaplikasikan oleh para TG berdasarkan faktor budaya masyarakat pelancong PJ dan penguasaan TG Malaysia berBJ. Substrategi memberi pendapat dikenal pasti strategi yang paling efektif terhadap kelancaran komunikasi antara budaya SLPP.

Faktor yang mendasari pengaplikasian substrategi ini ialah tempoh pengalaman seseorang TG dalam kariernya sebagai pemandu pelancong, penguasaan pengetahuan destinasi pelancongan dan latar belakang bangsa serta agama seseorang TG memainkan peranan yang penting. Dua substrategi yang diaplikasikan oleh TG iaitu strategi percampuran kod dan pengalihan kod dikenal pasti cenderung ke arah tercetusnya konflik di mana timbulnya situasi yang telah mencetuskan percanggahan dari segi nilai budaya, etika, mengancam air muka dan menjejaskan tahap kepuasan para PJ akibat daripada pertembungan budaya semasa SLPP. Dapatan kajian turut membuktikan bahawa unit bahasa, iaitu pencilahan turut dikenal pasti cenderung ke arah tercetusnya konflik. Manakala sebaliknya dengan elemen ketidaksantunan BJ dibuktikan tidak menjejaskan interaksi TG dan PJ di sepanjang SLPP. Keseluruhan kajian menyimpulkan bahawa pengendalian SLPP kepada PJ memerlukan TG Malaysia berBJ mengaplikasikan strategi tambahan yang khusus berbanding dengan yang terdapat pada kerangka teori Strategi dalam Komunikasi Antara Budaya (Huang, 2011a). Ini menunjukkan kerangka teori Huang (2011a) yang berasaskan penggunaan BI sebagai medium di sepanjang SLPP kepada pelancong antarabangsa yang berkunjung ke Yunnan, China berbeza pendekatan strateginya berbanding dengan penggunaan BJ sebagai medium terhadap PJ. Dengan lahirnya satu set strategi untuk menangani masalah dan mewujudkan komunikasi yang berkesan ini diharapkan penguasaan komunikasi antara budaya para TG akan lebih efisien dan berketrampilan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

JAPANESE LANGUAGE COMMUNICATION STRATEGIES IN INTERCULTURAL CONTEXTS OF TOUR GUIDED SESSION IN MALAYSIA

By

ROSWATI ABDUL RASHID

August 2015

Chairman: Roslina Mamat, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study is an investigation of intercultural communication in tourism. The context of intercultural communication referred in this study are Japanese language (BJ) and Japanese culture between Malaysian tourist guides (TG) who speaks Japanese language and Japanese tourists (PJ) during the guided tour session (SLPP). This study is important in providing a summary of Malaysian speaking Japanese Language TG's intercultural communication mastery in the application of strategic aspects which underlies the communication. Lameness of intercultural skills was identified as a result of the failure of TG to master the culture of the host country and tourists. Whereas it is a necessity for a TG to occupy intercultural communication skills in order to achieve an effective communication and by circulating information precisely will shape the tourist experience of the destinations visited. In particular, this study addresses three issues, namely, 1) what are the strategies applied in intercultural communication during the SLPP by Japanese speaking Malaysian TG?, 2) what are the elements that underlies the application of the strategy by Japanese speaking Malaysian TG in intercultural communication during the SLPP ?, and 3) what is the negative strategy that tends to create conflict during the intercultural communication of SLPP? This study is based on qualitative approach that uses audio recordings, video and observations. Three SLPP around KL were used as a pilot study, whereas five SLPP around Malacca town were used for the actual study. The respondents are consist of five Japanese speaking Malaysian TGs and 17 PJs. Data's are analysed by using qualitative methods and presented in a simple statistics. Overall, the results in this study found that there are a total of 20 sub-strategies from five main strategies are applied by the TG. 10 sub-strategies derived from five main strategies that support the theory of Strategy in Intercultural Communication in SLPP (Huang, 2011a). While, the remaining new 10 sub-strategies was applied by the TG based on the cultural factor of PJ tourist society and the mastery of Japanese speaking Malaysian TG. Sub-strategy of giving opinions was identified as the most effective strategy in the fluency the SLPP intercultural communication. The factors that underlie the application of the strategies is a TG's career experience period as a tourist guide, knowledge of tour destinations, and also the race and religious background of a TG play an important role in the application. The study also found that two sub-strategies namely code mixing and code switching

strategies applied by TG has sparked a conflict in terms of cultural values, ethics and effects of the satisfaction level as a result of cultural clash during the SLPP. The findings also prove that the language unit namely insertion was being identified to create conflict, while conversely the language element of impoliteness was proved not to affect the interaction of TG and PJ along the SLPP. Overall, this study concluded that in handling the SLPP to PJ requires Malaysian Japanese speaking TG to apply additional strategies that are more specific compared to the Strategies in Intercultural Communication (Huang, 2011a) theoretical framework. With the emergence of a set of strategies in handling the problems and strategies of effective communication were expected that the TG intercultural communication mastery will be more efficient and competent.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirahim

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

Segala Pujian ke Hadrat Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
Selawat dan Salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhamad SAW.

Syukur ke hadrat Ilahi dengan izin dan rahmat-Nya, tesis ini dapat disempurnakan. Pelbagai bantuan dan sokongan dari segi akademik dan moral daripada pihak universiti, pensyarah, sahabat dan rakan seperjuangan telah diterima di sepanjang tempoh menyiapkan penulisan tesis ini.

Penghargaan khas dan berjuta terima kasih ditujukan kepada ketiga pensyarah dalam Jawatankuasa Penyeliaan pengajian ini, iaitu **Prof. Madya Dr. Roslina Mamat** selaku pengerusi yang sentiasa memberikan kerjasama, nasihat, pandangan yang sangat berguna dan memantau perkembangan penyelidikan ini agar berjalan dengan lancar di sepanjang pengajian ini. Seterusnya kepada **Dr. Eriko Yamato** selaku penyelia bersama yang turut sama bertungkus lumus memantau dan memberikan tunjuk ajar yang sangat berharga terhadap kajian dan penulisan tesis ini. Akhir sekali, kepada **Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah** yang sentiasa menitipkan pandangan bernas dan petunjuk yang berguna terhadap hala tuju kajian ini sehingga tesis ini dapat disempurnakan. Segala ilmu, bantuan, panduan dan buah fikiran yang diberikan amat saya hargai. Tanpa bimbingan dan kerjasama tersebut sudah pasti tesis ini sukar disempurnakan.

Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua peserta kajian yang sudi mengambil bahagian dalam tesis ini. Antaranya pemandu pelancong Malaysia berbahasa Jepun dan pelancong Jepun.

Penghargaan turut ditujukan kepada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang menjadi platform bagi saya melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran secara teori dan pratikal dalam bidang pengkhususan pengajian. Terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu atas peluang dan kepercayaan yang diberikan untuk menaja pengajian ini.

Terima kasih semua dan Allah SWT sahaja yang dapat membalas segala kebaikan tersebut.

ôIroiro osewa ni narimashita. Arigatoo gozaimashitaô

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Roslina Mamat, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Eriko Yamato, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- , tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- , setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- , tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- , hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- , kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- , tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: ROSWATI ABDUL RASHID – GS30718

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Peraturan 41 dalam Peraturan 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: _____

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	2
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Batasan Kajian	7
1.7	Definisi Operasional	8
1.8	Kesimpulan	10
2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	11
2.2	Pelancongan Malaysia	11
2.2.1	Pelancong Jepun	15
2.2.2	Pemandu Pelancong	21
2.3	Komunikasi Antara Budaya	24
2.4	Kecekapan Komunikasi Antara Budaya (ICC)	28
2.5	ICC dalam Pelancongan	31
2.5.1	Penguasaan Budaya	36
2.5.2	Kemahiran Berbahasa	37
2.5.3	Motivasi	43
2.5.4	Situasi	45
2.6	Konflik Komunikasi Antara Budaya dalam Pelancongan	46
2.6.1	Kesantunan Bahasa Jepun	49
2.6.2	Pencelahan	52
2.7	Perkaitan Sorotan Kajian Lepas dengan Penyelidikan	54
2.8	Kesimpulan	54

3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	55
3.3	Kerangka Teori Strategi Komunikasi Antara Budaya SLPP	56
3.4	Kerangka Teori Kajian	64
3.5	Kerangka Konsep Kajian	66
3.6	Populasi dan Persampelan Kajian	67
3.7	Data Kajian	71
3.8	Pengumpulan Data Kajian	92
3.9	Tatacara Analisis	96
3.10	Pertimbangan Etika	99
3.11	Kesimpulan	100
4	ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	101
4.2	Analisis Kajian	101
4.2.1	Pengaplikasian Strategi dalam Komunikasi Antara Budaya	101
4.2.2	Elemen yang Mendasari Pengaplikasian Strategi	190
4.2.3	Strategi Negatif yang Cenderung ke Arah Tercetus Konflik	203
4.3	Rumusan Dapatan	229
4.4	Kesimpulan	231
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	233
5.2	Perbincangan dan Kesimpulan	233
5.3	Rumusan Kajian	238
5.4	Implikasi Teori dan Metodologi	239
5.5	Sumbangan Kajian	240
5.6	Cadangan Kajian Akan Datang	240
5.6.1	Aspek Kesantunan BJ	240
5.6.2	Aspek Pedagogi Pembelajaran dan Pengajaran BJ	241
5.6.3	Aspek Menyediakan Bahan Rujukan	242
5.7	Penutup	242
	RUJUKAN	243
	LAMPIRAN	
	LAMPIRAN A – Surat Kebenaran Mengumpulkan Data	256
	LAMPIRAN B – Iklan Penyertaan SLPP ke Melaka	258
	LAMPIRAN C – Surat Kebenaran dan Persetujuan Pengelibatan Peserta	259
	LAMPIRAN D – Dapatan Data Analisis	261
	BIODATA PELAJAR	284
	SENARAI PENERBITAN	285

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
2.1 Kedatangan Pelancong ke Malaysia 1998 - 2013	12
2.2 Program Pelancongan yang Ditawarkan KPM	14
2.3 Kedatangan Pelancong ke Malaysia 2009-2013	17
2.4 TG Mengikut Kemahiran Bahasa Asing	24
3.1 Profil TG	68
3.2 Profil PJ	70
3.3 Perincian Data Rakaman	91
3.4 <i>Basic Transcription System for Japanese</i> (Usami, 2000)	95
4.1 Pengaplikasian Strategi dalam Komunikasi Antara Budaya SLPP	102
4.2 Perincian Pengaplikasian Strategi	103
4.3 Strategi yang Dominan Pengaplikasiannya	191

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
2.1 Statistik PJ ke Luar Negara	16
2.2 Trend Kedatangan PJ ke Malaysia	18
2.3 Bilangan TG Malaysia Mengikut Negeri sehingga 30 September 2014	23
2.4 Model Konteks Komunikasi Antara Budaya	25
2.5 Model Keprihatinan Komunikasi Silang Budaya	26
2.6 Model IC	30
2.7 Model Penganalisisan Faktor yang Menyumbang kepada IC TG dan Kepuasan Pelancong	32
2.8 Pengelasan Identiti - Teori Pengurusan Identiti	34
2.9 Pergerakan dan Keadaan Subjek dalam Situasi <i>Kenjoogo</i>	51
2.10 Pergerakan dan Keadaan Subjek dalam Situasi <i>Sonkeego</i>	52
3.1 Kajian Perspektif dalam Kajian Kualitatif	56
3.2 Kerangka Teori Kajian	65
3.3 Kerangka Konsep Kajian	66
3.4 Dapatan Kajian Rintis	90
3.5 Proses Generik Data	96
3.6 Contoh Pengelasan dan Pengkategorian Substrategi	97
4.1 Pengaplikasian Substrategi dalam Komunikasi Antara Budaya SLPP	104
4.2 Strategi Adaptasi terhadap Perbezaan Budaya	104
4.3 Substrategi Mengadaptasi Tingkal Laku PJ	105
4.4 Substrategi Mengungkapkan Kata Selamat BJ	109
4.5 Strategi Mengadaptasi Sistem Panggilan Sapaan	113
4.6 Substrategi Mengadaptasi Masa	116
4.7 Strategi Membina Himpunan Pelbagai Kemahiran Komunikasi	120
4.8 Substrategi Percampuran Kod	120
4.9 Kategori Penggunaan Bahasa dalam Substrategi Percampuran Kod	125
4.10 Substrategi Bertanya	126
4.11 Substrategi Bertanya - Memohon Persetujuan	126
4.12 Substrategi Bertanya - Mendapatkan Maklumat	128
4.13 Substrategi Bertanya - Merayu Kerjasama	129

4.14	Substrategi Bertanya - Prihatin	131
4.15	Substrategi Bertanya - Menduga	133
4.16	Substrategi Bertanya - Meminta Pendapat	135
4.17	Pertanyaan Lain	136
4.18	Substrategi Bertanya Mengikut Kategori	138
4.19	Substrategi Memberikan Pendapat	139
4.20	Substrategi Pengalihan Kod	143
4.21	Substrategi Memberikan Cadangan	147
4.22	Substrategi Meningkatkan Motivasi dan Memberikan Galakan	151
4.23	Strategi Membina Persamaan	156
4.24	Substrategi Mewujudkan Persamaan	156
4.25	Substrategi Membuat Perbandingan	160
4.26	Strategi Mengekalkan Hubungan Bersesuaian	164
4.27	Substrategi Bercerita	164
4.28	Substrategi Humor	168
4.29	Substrategi Memberikan Pujian	173
4.30	Substrategi Merendah Diri	177
4.31	Strategi Menyelesaikan Konflik	181
4.32	Substrategi Memberikan Peringatan	182
4.33	Substrategi Menangani Konflik	185
4.34	Substrategi Memohon Maaf	189
4.35	Substrategi yang Dominan Pengaplikasiannya	192
4.36	Kesalahan Ketidaksantunan	213
4.37	Pencelahan	221
4.38	Pengaplikasian Strategi Mengikut Strategi Utama	230

SENARAI SINGKATAN

PKPM	-	Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia
KPM	-	Kementerian Pelancongan Malaysia
KL	-	Kuala Lumpur
FIT	-	<i>Free Independence Travel</i>
TG	-	Pemandu Pelancong (<i>Tourist Guide</i>)
PJ	-	Pelancong Jepun
SLPP	-	Sesi Lawatan Pemanduan Pelancongan
BJ	-	Bahasa Jepun
BI	-	Bahasa Inggeris
BM	-	Bahasa Melayu
UNWTO	-	<i>United Nation and World Tourism Organization</i>
JLPT	-	<i>Japanese Language Proficiency Test</i>
KRTG	-	Kajian Rintis Pemandu Pelancong
KRPJ	-	Kajian Rintis Pelancong Jepun
IC	-	Kecekapan Antara Budaya (<i>Intercultural Competence</i>)
CC	-	Kecekapan Komunikasi (<i>Communication Competence</i>)
ICC	-	Kecekapan Komunikasi Antara Budaya (<i>Intercultural Communication Competence</i>)
L2	-	Bahasa Kedua (<i>2nd Language</i>)



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam industri pelancongan, pengurusan organisasi yang baik, destinasi pelancongan yang menarik, strategi pemasaran yang efektif, dan sebagainya tidak akan dapat dimaksimumkan dan dikekalkan pasarannya tanpa pengurusan yang profesional dan kakitangan yang mempunyai kemahiran komunikasi yang baik untuk berurusan dengan organisasi, ahli perniagaan pelancongan dan para pelancong (Leslie, Russell, & Govan, 2004). Kenyataan ini membuktikan bahawa dalam industri pelancongan, hubungan yang baik tidak dapat dikekalkan tanpa komunikasi yang berkualiti antara tuan rumah (hos – akan diguna pakai untuk merujuk tuan rumah bagi penulisan seterusnya) dengan pelancong. Lebih-lebih lagi hubungan tersebut melibatkan orang luar daripada negara-negara lain di mana bahasa asing diperlukan seperti yang ditegaskan oleh Leslie, Russell dan Forbes (2002) - sesetengah bahasa umumnya merupakan prasyarat dalam sesebuah komunikasi, dan dengan itu keupayaan untuk bertutur dengan pelancong dalam bahasa mereka adalah sesuatu yang penting dalam pasaran yang kompetitif.

Schroder (1981) berpendapat bahawa pelanggan dalam bidang perniagaan, sama ada pelancong atau ahli perniagaan didapati lebih gemar bertutur dalam bahasa ibunda mereka. Graves (2001) dalam perbincangan dengan Duta Perancis dan Jerman di UK, melaporkan bahawa kemahiran bahasa asing merupakan “kunci kepada pembelajaran dimensi antara budaya”. Ini membuktikan keupayaan berinteraksi dengan orang daripada budaya yang berbeza memberikan manfaat yang besar kepada ekonomi (Neuliep, 2006).

Jelas pernyataan di atas menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan kesedaran tentang manfaat yang akan diperolehi sekiranya seseorang itu berkebolehan berbahasa asing. Ini membuktikan bahawa dalam industri pelancongan, pengetahuan BI sahaja tidak mencukupi. “Tidak dapat disangkal lagi walaupun penguasaan BI merupakan satu bahasa globalisasi, namun kemampuan untuk bertutur bahasa lain atau beberapa bahasa semakin penting dalam ekonomi yang berdaya saing dan global” (Blunkett, 1998). Walaupun begitu, kemahiran bahasa asing tidak datang secara sendirian di mana ia datang bersama dengan budaya negara tersebut dan merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan (Monod, 1992). Begitu juga Devereux (1998) yang menggambarkan pengaplikasian pengetahuan budaya dan kemahiran bahasa asing merupakan sebahagian daripada kecekapan perkhidmatan rentas budaya dalam industri pelancongan yang berkualiti. Oleh itu, secara kesimpulannya pengetahuan budaya dan penguasaan bahasa asing tidak dapat dipisahkan. Penutur bahasa kedua memperoleh dan menggunakan bahasa asing sambil perlu menerapkan unsur budaya bahasa asing tersebut.

Sejajar dengan persekitaran industri pelancongan hari ini, yang diwarnai oleh pelbagai latar belakang pelancong antarabangsa merupakan titik penting dalam usaha mewujudkan pemahaman yang lebih baik terhadap pelancongan pelbagai budaya. Seperti dakwaan Reisinger dan Turner (1999), variasi budaya dalam nilai orientasi dan tingkah laku sosial mempunyai kesan langsung kepada pengalaman percutian para pelancong. Keupayaan hos untuk bertindak balas terhadap keperluan pelancong pelbagai budaya ialah satu elemen penting dalam menentukan pengalaman percutian pelancong yang positif dan memuaskan. Oleh itu, salah satu komponen yang memenuhi keperluan asas pelancong yang ingin diketengahkan dalam penyelidikan ini ialah penggunaan bahasa Jepun (akan dirujuk sebagai BJ untuk penulisan seterusnya) sebagai medium dalam sesi lawatan pemanduan pelancongan (akan dirujuk sebagai SLPP untuk penulisan seterusnya) terhadap para pelancong Jepun (akan dirujuk sebagai PJ untuk penulisan seterusnya) yang berkunjung ke Malaysia dalam konteks pertembungan budaya antara dua negara yang berbeza, iaitu Malaysia dan Jepun.

1.2 Pernyataan Masalah

Penyelidikan terhadap prestasi pemandu pelancong (akan dirujuk sebagai TG¹) untuk penulisan seterusnya) dan impaknya terhadap kepuasan pelancong masih lagi kurang jika dibandingkan dengan penyelidikan terhadap perkhidmatan di hotel dan restoran dalam pelancongan (Zhang & Chow, 2004; Hsu & Chan, 2009). Low (1999) merupakan satu-satunya penyelidik yang melihat kepuasan pelancong asing ke Malaysia terhadap prestasi TG Malaysia. Namun, penyelidikan yang menjurus kepada penerokaan kepuasan TG Malaysia masih belum dilakukan. Oleh itu, penyelidikan berfokuskan prestasi TG dan impaknya terhadap kepuasan pelancong adalah penting dijalankan kerana peranan TG itu sendiri sebagai penentu utama kepuasan para pelancong (Hughes, 1991; Geva & Goldman, 1991; Schmidt, 1979; Wang, Hsieh, & Huan, 2000). Berikut ialah tiga gambaran prestasi para TG Malaysia berBJ semasa mengendalikan sesi pemanduan terhadap PJ.

Takajima (2011) menggambarkan dua situasi tingkah laku TG Malaysia yang tidak sensitif terhadap budaya masyarakat Jepun yang telah dikemukakan oleh PJ. Antaranya ialah:

Situasi 1:

TG telah menerima cenderamata daripada PJ sambil berkata "Kita telah menerima cenderamata" dan mengucapkan terima kasih dan menyerahkannya kepada pemandu kenderaan sambil berkata "Nanti kita bahagikan ya." TG beranggapan cenderamata yang diterima adalah untuk dikongsi dengan semua orang (TG dan pemandu kenderaan). Namun bagi pihak PJ pula cenderamata tersebut disediakan khas daripada Jepun untuk dihadiahkan kepada TG tersebut. Perbuatan TG menyerahkannya kepada pemandu kenderaan membuatkan pelancong tersebut berasa terhina. Apa yang dijangkakan daripada TG tersebut ialah mengucapkan terima kasih

¹ Pemilihan kata singkatan TG ini dibuat agar tidak terkeliru dengan singkatan PJ (Pelancong Jepun) dalam kajian ini sekiranya mengguna pakai kata nama asal pemandu pelancong, iaitu PP.

pada saat cenderamata bertukar tangan dan menyimpannya di tempat yang selamat sebagai tanda penghargaan.

Situasi 2:

Pada pandangan orang Jepun, sekiranya timbul kesilapan berkenaan SLPP dan mengakibatkan ketidakpuasan hati dalam kalangan PJ, bukan TG sahaja yang harus memohon maaf tetapi pada dasarnya pihak atasan yang harus memohon maaf bagi pihak staf bawahannya sebagai melahirkan rasa tanggungjawab atas kekurangan tunjuk ajar yang diberikan kepada orang bawahannya.

Manakala situasi 3 ialah contoh daripada kajian oleh Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim dan Normaliza Abdul Rahim (2012) dari aspek penggunaan “pencelahan” oleh juru iring berBJ yang bertugas di salah sebuah kompleks kraftangan terkemuka di KL semasa mengiringi para PJ untuk memberikan taklimat berkenaan produk yang dikeluarkan.

Situasi 3:

Komunikasi yang berlangsung antara juru iring berBJ dengan PJ berjalan secara spontan dan bersahaja. Namun kelancaran perbualan dicatatkan oleh jurubahasa dengan mencelah percakapan salah seorang PJ yang sedang bertutur. PJ tersebut yang jelas belum dapat menghabiskan percakapannya terdiam dan tidak lagi meneruskan ayatnya walaupun selepas jurubahasa selesai bercakap. Dalam data selama satu jam, didapati PJ tidak pernah mencelah percakapan jurubahasa tetapi jurubahasa tersebut telah mencelah sebanyak sembilan kekerapan di sepanjang perbualan tersebut berlangsung. Malah didapati kebanyakan pencelahan yang dibuat tiada kaitan langsung dengan apa yang sedang atau yang akan dituturkan oleh PJ.

Daripada ketiga-tiga kes di atas jelas menunjukkan bahawa kepincangan penguasaan kemahiran antara budaya yang telah dikenal pasti akibat daripada kegagalan TG Malaysia berBJ menguasai budaya negara hos dan PJ. Huang (2010) menegaskan bahawa menjadi satu keperluan bagi seseorang TG mempunyai kemahiran berkomunikasi antara budaya demi mencapai komunikasi yang efektif dan penyaluran maklumat adalah tepat yang bakal membentuk pengalaman pelancong terhadap destinasi yang dilawati. Untuk mewujudkan pemahaman yang lebih baik terhadap keperluan mencapai komunikasi antara budaya yang efektif dalam konteks komunikasi pelancongan, penyelidik merasakan adalah wajar pola strategi dalam komunikasi antara budaya yang digunakan oleh TG Malaysia berBJ semasa berinteraksi dengan PJ di sepanjang SLPP diterokai.

Seterusnya ialah dua isu besar lain yang turut memperkukuh lagi keperluan kajian ini menyelongkar dengan lebih mendalam lagi elemen yang mendasari pengaplikasian strategi dalam komunikasi antara budaya oleh para TG. Pertamanya ialah isu penggunaan bahasa dalam pelancongan. Menurut Leslie et. al. (2002) kebimbangan telah disuarakan oleh majikan, akademik, agensi kerajaan dan orang awam yang

prihatin tentang ketidakupayaan TG menyampaikan perkhidmatan yang berkesan, terutama dalam penggunaan bahasa dalam interaksi mereka dengan pelancong. Huang (2011a) telah turut membangkitkan persoalan dalam konteks perkhidmatan pemanduan pelancongan, iaitu sejauh manakah TG mampu mengkomersilkan komunikasi mereka dengan pelancong?

Kajian Roslina Mamat, Yamato dan Normaliza Abdul Rahim (2010) memperjelaskan tahap penguasaan BJ yang perlu ada pada seseorang sekiranya ingin menjadi TG Malaysia berBJ. Kajian mereka melihat strategi komunikasi yang digunakan oleh pegawai penerangan di pusat kraf tangan semasa berinteraksi menggunakan BJ, mendapati bahawa pegawai tersebut kerap menggunakan strategi komunikasi ketika berinteraksi yang mana diinterpretasikan sebagai tidak fasih atau lemah. Kajian tersebut turut mendapati bahawa dari segi penggunaan bahasa santun pula banyak ujaran yang tidak menggunakan bentuk sopan yang asas dan jauh sekali menggunakan bahasa sopan pada peringkat yang lebih tinggi. Ini memberikan tanda aras kepada KPM selaku pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen TG agar tahap penguasaan BJ yang tertentu harus ditetapkan sebagai kriteria dalam meluluskan lesen tersebut.

Isu kedua ialah kepincangan dari segi penyaluran maklumat yang tidak jelas dalam kalangan TG kepada pelancong. Seperti mana dapatan kajian luar negara begitu juga dalam konteks TG Malaysia, Ong (2005) dalam kajiannya mendapati bahawa TG Malaysia kurang berpengetahuan tentang sejarah dan budaya Malaysia serta kekurangan kosa kata dan penggunaan kosa kata yang tidak betul. Beliau merumuskan bahawa pendedahan yang minimum tentang destinasi pelancongan menyebabkan TG tidak dapat memberikan penjelasan yang berkesan dan kadang-kadang mengelirukan. Manakala menurut mantan Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen pada 2011, KPM menerima sebanyak 255 aduan daripada pelancong asing tentang kualiti dan sikap TG antaranya kurang fasih dan kurang pengetahuan terhadap produk pelancongan. Malah ada juga TG yang menipu pelancong (Bernama News, 2011b).

Oleh itu, berdasarkan kedua-dua isu ini, adalah wajar kajian ini mengenal pasti dan meneliti elemen yang mendasari pengaplikasian strategi dalam komunikasi antara budaya oleh para TG Malaysia berBJ semasa berinteraksi dengan PJ. Dan sebagai kontras kepada pengaplikasian strategi dan untuk mempermantap penerokaan penentu keberkesanan perolehan penguasaan komunikasi antara budaya, strategi negatif yang cenderung ke arah tercetusnya konflik harus turut dikenal pasti. Kewajaran meneliti aspek ini adalah bagi tujuan membantu para TG menyalurkan maklumat secara lebih jelas dan mudah serta sebagai garis panduan agar tidak timbulnya konflik. Malah mungkin menjadi satu nilai tambah, iaitu para TG akan menjadi rujukan terbaik bagi orang Jepun semasa berada di Malaysia. Ini adalah selaras dengan peranan TG sebagai penentu utama kepuasan para pelancong (Hughes, 1991; Geva & Goldman, 1991; Schmidt, 1979; Wang et. al., 2000) dan bakal membentuk pengalaman para pelancong terhadap destinasi yang dilawati Hsu et. al. (2009) dan Huang (2011a).

Secara keseluruhannya, penyelidikan ini akan mengisi lompong yang terdapat pada kajian kemahiran antara budaya oleh TG yang terdahulu, iaitu meneliti pola pengaplikasian strategi dalam komunikasi antara budaya yang muncul daripada data

yang diambil terus daripada peristiwa interaksi sebenar antara TG dan PJ. Ini adalah kerana beberapa kajian berfokuskan konteks antara budaya terdahulu antaranya ialah Beeftin (2011), Huang (2011a), Huang (2011b), Yu et. al. (2002), Toomey (2012), Izumi (2010), Weill (2011), Steiner dan Reisinger (2004), Meade (2010) dan Renalds (2011) yang telah dilakukan hanya menggunakan data yang diperoleh melalui soal selidik ataupun melalui temu bual, tidak menggunakan data daripada situasi sebenar komunikasi berlangsung. Dapatan mereka masih lagi pada tahap persepsi para responden kajian yang masih boleh dipertikaikan kebolehpercayaannya.

Penerokaan pengaplikasian strategi oleh TG di sepanjang SLPP dengan menggunakan pendekatan kualitatif ini akan dapat memberikan gambaran yang menyeluruh tentang kelangsungan pengendalian sesebuah SLPP dari sudut bahasa dan budaya dalam konteks antara budaya secara semula jadi. Secara asasnya, penerokaan ini memberikan pemahaman yang lebih jelas apakah yang mendasari sesebuah komunikasi antara budaya dalam SLPP, bagaimana seseorang TG membina dan menyusun pengetahuan apabila berinteraksi dengan PJ dalam konteks antara budaya, dan bagaimana para PJ memberikan tindak balas terhadap komunikasi antara budaya tersebut. Dengan adanya pemahaman ini, kita berupaya membangunkan kesedaran secara kritikal terhadap hubungan sosial dengan PJ dalam komunikasi pelancongan. Pemahaman hubungan sosial dari segi tingkah laku budaya dan bahasa pihak klien dalam konteks pelancongan merupakan asas kejayaan dalam urus niaga perkhidmatan globalisasi.

1.3 Objektif Kajian

Fokus penyelidikan ini ialah penguasaan komunikasi antara budaya TG Malaysia berBJ dari aspek pengaplikasian strategi dalam komunikasi antara budaya di sepanjang SLPP. Perolehan penguasaan komunikasi ini diteliti dari aspek pengaplikasian strategi dalam konteks komunikasi antara budaya antara TG dan PJ di sepanjang SLPP berlangsung menggunakan medium BJ. Oleh itu, secara khususnya kajian ini merangkumi objektif berikut:

1. Menenal pasti pengaplikasian strategi oleh TG Malaysia berBJ semasa berinteraksi dengan PJ di sepanjang SLPP dalam konteks antara budaya.
2. Menghuraikan elemen yang mendasari pengaplikasian strategi oleh TG Malaysia berBJ dalam komunikasi antara budaya di sepanjang SLPP.
3. Merumuskan strategi negatif yang cenderung ke arah tercetusnya konflik semasa komunikasi antara budaya berlangsung di sepanjang SLPP.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan beberapa isu yang telah dikemukakan pada pernyataan masalah, berikut ialah persoalan kajian yang perlu dijelaskan:

Persoalan kajian secara am:

1. Apakah strategi dalam komunikasi antara budaya di sepanjang SLPP diaplikasikan oleh TG Malaysia berBJ?
2. Apakah elemen yang mendasari pengaplikasian strategi oleh TG Malaysia berBJ dalam komunikasi antara budaya di sepanjang SLPP?
3. Apakah strategi negatif yang cenderung ke arah tercetusnya konflik semasa komunikasi antara budaya berlangsung di sepanjang SLPP?

1.5 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini penting untuk memberikan satu rumusan tentang penguasaan komunikasi antara budaya TG Malaysia berBJ dari aspek pengaplikasian strategi dalam komunikasi antara budaya. Penyelidikan ini akan dapat menerangkan penentu keberkesanan perolehan penguasaan komunikasi antara budaya dalam interaksi semasa SLPP dijalankan. Para TG berBJ akan lebih berkeyakinan berkomunikasi dengan PJ sekiranya mereka dilengkapi dengan pengetahuan pengaplikasian penentu keberkesanan komunikasi tersebut. Kepentingan penggunaan strategi ini adalah bagi tujuan membantu mereka menyampaikan mesej secara lebih jelas dan mudah serta sebagai garis panduan agar tidak timbulnya konflik.

Penyelidikan ini juga diharapkan akan menjadi rujukan kepada tenaga pengajar BJ dalam mencari pendekatan atau teknik yang bertepatan dan merencanakan rancangan pembelajaran, khususnya pembelajaran BJ untuk pelancongan. Tumpuan terus kepada penentu keberkesanan penguasaan komunikasi antara budaya dapat dipraktikkan agar pemerolehan penguasaan akan dapat dicapai pada tahap yang maksimum. Hasil daripada usaha ini, bakal TG yang berkualiti dan berkredibiliti akan dapat dilahirkan.

Dapatan penyelidikan ini diharapkan bermanfaat kepada pelajar, pengajar BJ dan institusi yang terlibat dalam pembelajaran BJ bagi program pelancongan dan hospitaliti. Dapatan kajian akan membantu institusi ini mengenal pasti keperluan dan penekanan yang perlu diketengahkan dalam merangka silibus pembelajaran BJ. Dengan adanya silibus yang mengintegrasikan penentu keberkesanan komunikasi antara budaya ini, mutu dan prestasi pelajar dan pengajar diharapkan mencapai tahap yang diperlukan dalam usaha mengeluarkan pekerja pelancongan yang berkualiti.

